



DZULKEFLI MUSTAPHA | BERITA HARIAN

MAHU BERSIH: Sukarelawan mengutip sampah-sarap di pantai Teluk Kemang.

BERKERJASAMA: Antara sukarelawan terbabit gotong-royong membersihkan pantai.

# Gotong-royong bersih pantai

Lebih 400 sukarelawan perah keringat jayakan program di Teluk Kemang bersama Majlis Perbandaran Port Dickson

Oleh Nor Aziah Othman

**P**ORT DICKSON: Kawasan pantai di daerah ini sememangnya sudah terkenal bukan saja di tanah air, malah menjangkau sempadan antarabangsa kerana keindahan laut dan pasirnya yang memutih.

Saban masa, ia menjadi pilihan sebagai destinasi perkelahan kerana jaraknya yang begitu hampir dengan ibu negara selain mempunyai pelbagai kemudahan untuk pelancong.

Bagaimanapun, kunjungan pelancong sedikit sebanyak membawa kesan buruk kepada pantai berkenaan, terutama dari segi kebersihan apabila

ramai yang bersikap buruk dengan membuang sampah sesuka hati.

Dari semasa ke semasa, pelbagai usaha dilaksanakan untuk menjaga kebersihan pantai, termasuk oleh syarikat swasta yang menganjurkan aktiviti gotong-royong.

Terbaru, program sedemikian diusahakan syarikat Dow Chemical, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Malaysian Fisheries Society dengan kerjasama The Body Shop dan Coca-Cola Malaysia.

Program itu menghimpunkan lebih 400 sukarelawan yang memerah keringat membersihkan kawasan pantai perkelahan Teluk Kemang bersama Majlis Perbandaran Port Dickson

(MPPD).

Pengarah Urusan The Body Shop, Datin Mina Foong, berkata aktiviti gotong royong itu sebahagian daripada program Pembersihan Pantai Antarabangsa (ICC) yang diadakan setiap tahun dan menghimpunkan jumlah sukarelawan terbesar.

Tahun lalu, program ICC diadakan di Danga Bay, Johor Bahru disertai 200 sukarelawan yang berjaya mengumpul sampah-sarap seberat lebih satu tan seperti tayar terpakai, pakaian dalam dan bekas alat semburan pemadam api.

"Program ini memastikan kawasan pantai, sungai dan tasik sentiasa bersih dan tidak tercemar dengan pembua-

ngan sampah-sarap. Peranan ICC penting dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kebersihan kawasan rekreasi.

"Bagi memastikan pantai di sini sentiasa bersih, semua pihak harus bekerjasama dan tidak sewajarnya menyerahkan tanggungjawab itu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata," katanya.

Sepanjang aktiviti selama tiga jam yang bermula jam 8 pagi itu, 450 kilogram sampah sampah berjaya dikumpul, termasuk 620 puntung rokok.

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Coca-Cola Malaysia, Mohamed Kadir Mohamed Taib, ber-

kata pembabitan syarikat itu selama 11 tahun dalam ICC adalah untuk memulihara dan melindungi sumber air.

Sukarelawan dari UPM, Annie Chistianus, 37, berkata program itu memberikan banyak manfaat kerana selain membersihkan persekitaran, ia juga dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat supaya turut sama memulihara alam sekitar.

"Lebih-lebih lagi di sini, kebersihan amat penting kerana Port Dickson adalah destinasi percutian pelancong dan sewajarnya ia perlu dipastikan bersih dan indah sepanjang masa," katanya.

## FAKTA NOMBOR

Program Bersih Pantai

200

Sukarelawan tahun lalu

400

Sukarelawan tahun ini

450kg

Sampah dikumpul



BANYAK: Botol minuman terbuang mencemarkan kebersihan pantai.

“Program ini banyak manfaat kerana selain membersihkan persekitaran, ia juga dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat supaya turut sama memulihara alam sekitar”

Annie Chistianus  
Sukarelawan